

18 SEP 1998

Komanwel-Menembak (Malaysia)

NURUL HUDA TEPATI JANGKAAN UNTUK PINGAT EMAS

Oleh: Noor Hammad Wariman

LANGKAWI, 18 Sept (Bernama) -- Pingat emas yang dijangkakan bagi acara menembak tercapai hari ini apabila ratu menembak Malaysia Nurul Huda Baharin menepati sasaran dengan mencatat rekod Sukan baru sejumlah 494.8 mata dalam acara wanita individu "Air Rifle" di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi di sini.

Buat pertama kalinya dalam sejarah Sukan Komanwel selama 64 tahun, Malaysia memenangi pingat emas pertamanya dalam acara menembak, di Sukan Kuala Lumpur '98, di sini.

Harapan emas Malaysia, Nurul Huda, 25, mengalami kecederaan di tangan kanannya berikutan kemalangan motosikal di Kuala Lumpur pada 10 Ogos dan kecederaan tersebut menimbulkan tanda tanya sama ada harapan emas Malaysia akan tercapai.

Bagaimanapun, Nurul Huda berjaya menepati sasaran dan memecah rekod lama oleh Fani Theofanus (488.7) dari Cyprus pada tahun 1994 apabila memungut sejumlah 494.8 mata, 6.1 mata lebih tinggi dari rekod lama.

Nurul Huda berkata dia tidak merasa tertekan walaupun mendapat tentangan sengit kerana dia cuma memberi tumpuan kepada sasaran dan tidak menjangka akan memenangi sebarang pingat memandangkan keadaan tangannya.

Malaysia kini memungut satu emas, empat perak dan dua gangsa dalam pertandingan menembak yang memasuki hari keenam hari ini.

Zainal Abidin Md Zain, 36, memenangi pingat perak keempat Malaysia apabila dia menduduki tempat kedua dalam kategori "Fullbore Rifle" dengan 400 mata setelah tiga pusingan dan cuma dua mata di belakang pemenang pingat emas James Paton dari Kanada, yang juga jaguh dunia bagi acara tersebut.

Zainal Abidin berkata faktor angin menyebabkan tembakannya kurang tepat.

Kemenangan yang tidak diduga itu merupakan satu hadiah istimewa bagi Malaysia dan juga keluarganya kerana kategori "Fullbore Rifle" adalah acara baru bagi pasukan Malaysia, tambah beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi hari ini mengucapkan tahniah kepada kedua-dua penembak kerana mempamerkan prestasi cemerlang.

-- BERNAMA

NH AO